

**Pemuda Umno Sambut Baik Keputusan Tangguh Penyenaiaan Dalam CCRIS  
Bernama  
21 Ogos, 2013**

PUTRAJAYA, 21 Ogos (Bernama) -- Pemuda Umno hari ini menyambut baik keputusan kerajaan menangguhkan rancangan menyenarai peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang ingkar di dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS).

Ketuanya Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata keputusan itu bertepatan dengan keadaan semasa.

"Kaedah tersebut memang tidak patut digunakan, banyak cara lain lagi boleh digunakan untuk dapatkan kembali hutang pinjaman tersebut.

"Antaranya kita boleh kenakan tindakan mahkamah bagi mereka yang tegar tidak mahu membayar hutang. Kenapa perlu takutkan serta senarai hitam mereka yang lambat bayar atau minta pengecualian," katanya kepada pemberita di sini Rabu.

Khairy yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata hanya lima hingga enam peratus peminjam yang tidak mahu membayar hutang PTPTN manakala selebihnya lambat membayar atau menunggu untuk mendapat pekerjaan sebelum melunaskannya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan yang turut menyambut baik keputusan itu berkata keputusan itu wajar kerana ia dapat meringankan beban pelajar.

Namun, katanya ia tidak bererti pelajar tidak perlu membayar pinjaman tersebut.

"Kita pinjam, kita wajib bayar. Malah di dalam Islam pun turut menyebut bahawa hutang wajib dibayar," katanya kepada Bernama pada majlis rumah terbuka Aidi Export-Import Bank of Malaysia hari ini.

Keputusan menangguhkan cadangan menyenaraikan peminjam PTPTN dalam CCRIS dengan kerjasama Bank Negara itu diumumkan Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh.

Menurut Idris, keputusan dibuat pada mesyuarat Jemaah Menteri hari ini dan tindakan selanjutnya atau tindakan lain akan ditentukan selepas menerima pandangan semua pihak.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971647>